

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

ENSEMBEL ANGKLUNG DI MALAYSIA :
KAJIAN DARIPADA TEKNIK PERMAINAN ALAT MUZIK
DAN SISTEM PENGGARAPAN HARMONI

KELAB NADI BUDAYA

TESIS INI DIKEMUKAKAN
KEPADA FAKULTI SENI PERSEMBAHAN
SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT IJAZAH SARJANA MUDA MUZIK

OLEH

RITA MARDHATILLAH BT. UMAR RAUF

95924977

SHAH ALAM, SELANGOR

SESSI JUN 99

SINOPSIS

Wujudnya ensemble Angklung di Malaysia adalah menunjukkan kepelbagaian corak dan ragam daripada genre muzik di Tanah Semenanjung Melayu. Jenis ensemble ini memang berasal daripada Indonesia dan berkembang ke Malaysia mengikut proses migrasi yang berlaku pada pelbagai suku bangsa di Nusantara ini. Namun begitu, hal yang menarik ialah telah berlakunya perkembangan konsep muzikal Malaysia apabila dibandingkan dengan ensemble Angklung yang telah lama bertapak pada kawasan asalnya Jawa, Indonesia. Inilah idea pokok penulisan tesis ini. Maklumat seperti ini perlu disebarkan kepada semua pihak samada bangsa Melayu sendiri ataupun masyarakat luar negara.

Tumpuan atau pengkajian ini terletak dari segi instrumentasi daripada ensemble Angklung, teknik permainan daripada setiap alat muzik tersebut iaitu Melodi Angklung, Ritma Angklung, Arumba dan Bass Angklung. Manakala tumpuan kedua ialah selok belok sistem permainan harmoni daripada setiap alat muzik yang berfungsi memainkan harmoni. Dalam hal ini, lagu yang berasal daripada Tanah Melayu itu sendiri akan memperlengkapkan lagi keberkesanan permainan harmoni tersebut.

Walaupun, dari segi filosofi, fungsi dan kajian terhadap perkaitan yang berlaku pada masa kini turut juga dibincangkan kerana ia juga merupakan hal-hal yang penting dalam perkembangan konsep muzikal daripada ensemble Angklung di Malaysia.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya saya dapat menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih saya rakamkan kepada pembimbing saya Bapak Hadjizar Sutan Papatih yang banyak membantu saya dalam menghasilkan tesis ini. Kepada semua pensyarah terima kasih atas segala tunjuk ajar yang telah diberikan.

Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada yang Berhormat Drs. Suleiman Mohammed di atas keperihatinan dan sumbangan beliau untuk mewujudkan ensemble muzik Angklung ini. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada Kelab Angklung Nadi Budaya dan kepada En. Abd. Rahman b. Abd. Ghani selaku Setiausaha Kerja Projek Pendidikan Urusetia Program Nadi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Seterusnya, terima kasih yang tidak terhingga Bapak Suhaimi Nasution (ayah) yang banyak mendorong dan memberi galakan serta nasihat kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Juga untuk Mama Aci dan semua ahli keluarga, terima kasih diucapkan, jasmu akan dikenang sehingga ke akhir hayat.

Ucapan jutaan terima kasih saya rakamkan teristimewa buat Mama yang tersayang, Jadda yang tercinta, Tengku Asmah bt. Tengku Husin, juga Atok, Tengku Fatmah bt. Tengku Husin serta adik beradik yang

DAFTAR KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
DAFTAR KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI GAMBARAJAH	vii
SENARAI LAMPIRAN	viii

Bab

1. PENDAHULUAN	1
Latar belakang	
Tujuan penyelidikan	
Kaedah penyelidikan	
Objektif kajian	
Skop penyelidikan	
Organisasi	
2. ENSEMBEL ANGKLUNG DI MALAYSIA	13
Sejarah Muzik Angklung di Malaysia	
Fungsi Angklung dalam Kehidupan Masyarakat	
Perkembangan Muzik Angklung Pada Masa Kini	
3. TEKNIK PERMAINAN MUZIK ANGKLUNG	36
Instrumentasi Daripada Ensembel Angklung	
Perbezaan Instrumentasi Muzik Angklung Indonesia dan Malaysia	
Jenis-jenis Alat Muzik Pada Ensembel Angklung Malaysia	
Bahan, Ukuran dan Teknik Pembuatan Setiap Jenis Alat Muzik Pada Ensembel Angklung	

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Salah satu ensembel muzik yang cukup popular di Malaysia dan Indonesia ialah ensembel muzik Angklung. Ianya memiliki konsep muzikal yang spesifik, sama ada dari segi instrumentasi, teknik permainan, karektor muzik yang dihasilkan ataupun penggarapan daripada komposisi muziknya. Ensembel muzik Angklung terdiri daripada beberapa jenis alat muzik sebagai instrumentasinya, namun alat muzik yang utama ialah Angklung itu sendiri. Alat muzik Angklung sememangnya spesifik dari segi bentuk, warna suara (tone colour) dan teknik permainannya sehingga istilah Angklung berasal daripada tafsiran bunyi alat muzik itu sendiri apabila ianya mengeluarkan bunyi "ang" dan "klung" (Angklung)¹. Mengikut sejarah perkembangannya, ensembel muzik tradisional Angklung telah menjadi tradisi muzik bagi masyarakat di daerah Jawa Barat, Jawa Tengah dan Jawa Timur serta Bali, Indonesia. Ini bermakna kesenian ini telah lama wujud di daerah tersebut.

Namun ensembel muzik Angklung yang dikenali lebih popular oleh masyarakat umum ini adalah hasil daripada perkembangan ensembel Angklung di daerah Jawa Barat yang diusahakan oleh Bapak Daeng Soetigna. Skala nadanya

¹ Wenas Jessy, majalah Mutiara 301, 17 Ogos, 30 Ogos 1983